

PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI KAWASAN YANG DILAKSANAKAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

YB Menteri Kanan Pertahanan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di mukim-mukim Selangor dan beberapa lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula pada 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021.

Selaras dengan arahan tersebut, SOP pengoperasian Pejabat Kerajaan semasa tempoh PKPD bagi kawasan terlibat akan mengguna pakai arahan pengoperasian Pejabat Kerajaan yang telah dikeluarkan pada **30 Mei 2021** (*Pengoperasian Pejabat Kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1*).

Perkhidmatan kaunter Kerajaan di seluruh Negara telah dibuka bermula 1 Julai 2021 sebagaimana arahan yang dikeluarkan pada 29 Jun 2021. Namun bagi kawasan yang terlibat dengan PKPD, perkhidmatan kaunter Kerajaan akan ditutup sepenuhnya kecuali:

- a) perkhidmatan kesihatan:
- b) balai polis; dan
- c) di pintu-pintu masuk antarabangsa yang melibatkan urusan perkastaman, imigresen serta kuarantin.

Arahan ini terpakai kepada semua kawasan yang dilaksanakan PKPD.

Tan Sri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara
3 Julai 2021